

13/01/1999

Pengalaman Pak Lah bantu stabilkan ekonomi, politik

KUALA LUMPUR, Selasa - Badan Perhubungan Umno Selangor yakin Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berupaya membantu menstabilkan keadaan politik dan mempercepatkan pemulihan ekonomi negara.

Setiausahanya, Datuk Onn Ismail, berkata keyakinan itu berdasarkan pengalaman luas dan rekod perkhidmatan cemerlang Abdullah dalam perkhidmatan awam, politik dan Jemaah Menteri.

Serentak itu, Badan Perhubungan yang mengadakan mesyuarat petang semalam menyokong penuh keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melantik Abdullah sebagai timbalannya dan berpindah portfolio Menteri Dalam Negeri.

"Ketokohan Abdullah sebagai pemimpin Umno disegani dan prestasinya yang cemerlang pula mampu memperjuangkan isu sejagat dalam forum antarabangsa," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Onn berkata, Badan Perhubungan turut mengalu-alukan keputusan Perdana Menteri merombak Kabinet dalam usaha meningkatkan kecekapan jentera pentadbiran negara.

Beliau juga berkata, Umno Selangor menyifatkan penangguhan pemilihan Majlis Tertinggi Umno wajar dan tepat bagi membolehkan semua pemimpin parti menumpukan usaha mengembalikan keyakinan rakyat terhadap Umno.

Sehubungan itu, katanya, Badan Perhubungan Negeri akan memberi kerjasama untuk menjayakan hasrat Perdana Menteri memperkemaskan jentera parti bagi memastikan Barisan Nasional menang besar dalam pilihan raya umum nanti.

Beliau berkata, majlis penerangan mengenai isu politik dan taklimat, termasuk persiapan menghadapi pilihan raya juga akan diadakan pada setiap peringkat.

Sementara itu, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) juga mengalu-alukan pelantikan Abdullah dan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainudin, kerana negara memerlukan pasukan yang berupaya bergerak sebagai satu pasukan padu.

Presiden DPMM, Tan Sri Tajudin Ramli, berkata negara memerlukan barisan kepemimpinan negara yang sepakat dan sewawasan dalam setiap langkah yang diambil untuk menangani masalah serta cabaran dihadapi.

"Ini kerana sebuah negara yang retak dari dalam tidak memerlukan musuh luar untuk meruntuhkannya," katanya.

Tajudin berkata, beliau yakin Dr Mahathir dengan bantuan Abdullah dan Daim, akan berjaya memulihkan negara daripada kegawatan ekonomi dengan lebih cepat.

Menurutnya, pasukan itu juga dapat memacu pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang lebih cemerlang dalam suasana politik yang lebih stabil.

(END)